

**UCAPAN
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**23 FEBRUARI 2016 (SELASA)
DEWAN SERBAGUNA, ARAS 2, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

ALUAN

YB Datuk Ab Aziz Kaprawi
Timbalan Menteri

Y.Bhg. Datuk Seri Saripuddin bin Hj Kassim
Ketua Setiausaha Kementerian

Y.Bhg. Datuk Ruhaizah Muhammad Rashid
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Y.Bhg. Dato' Chua Kok Ching
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Ketua-ketua Jabatan

Setiausaha-setiausaha Bahagian

Tuan-tuan dan puan-puan warga MOT sekalian

PENDAHULUAN

1. Terdahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih saya kepada semua warga MOT

yang hadir pada perhimpunan bulanan 1MOT serta sambutan perayaan Tahun Baru Cina bagi tahun 2016 pada pagi ini.

2. Walaupun secara rasminya perayaan Tahun Baru Cina telah berakhir semalam iaitu hari yang ke-15 atau lebih popular digelar sebagai 'Chap Goh Mei', namun saya kira masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina, Gong Xi Fa Cai kepada semua warga MOT terutama mereka yang berbangsa cina.
3. Semoga tahun monyet ini akan membawa tuah, kejayaan, pencapaian yang baik dan kegembiraan kepada kita semua terutamanya bagi kementerian pengangkutan dalam menghadapi cabaran dalam tahun 2016 ini.
4. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan kerana telah berjaya menjayakan kedua-dua sambutan Tahun Baru Cina bersekali dengan Perhimpunan Bulanan MOT bagi bulan Febuari dengan begitu meriah sekali.

Warga MOT sekalian,

PENGUBAHSUAIAN BAJET 2016

5. Seperti yang kita semua maklum, dalam tahun 2016 ini, ekonomi global dijangka akan lebih mencabar. Data oleh IMF menunjukkan pertumbuhan ekonomi global akan lebih perlahan, iaitu daripada 3.6 peratus jangkaan awal kepada 3.4 peratus.

6. Keadaan ini bukan hanya unik untuk negara kita sahaja, bahkan negara-negara lain juga turut menerima kesan keadaan ekonomi yang tidak menentu ini.
7. Harga minyak mentah dunia terus merudum pada paras 30 dolar Amerika setong – penurunan sebanyak 35 peratus berbanding andaian 48 dolar Amerika setong semasa pembentangan Bajet 2016.
8. Perkara ini ternyata akan memberi kesan signifikan kepada hasil negara. Malah, negara-negara pengeluar minyak turut terkesan dengan perkembangan ini.
9. Sementara itu, nilai Ringgit telah menyusut berbanding dolar Amerika sebanyak 11.3 peratus iaitu daripada 3.77 ringgit pada Jun 2015, kepada 4.20-4.25 ringgit akhir-akhir ini.
10. Justeru itu, pada 28 Januari yang lalu, YAB Perdana Menteri telah membentangkan langkah-langkah pengubahsuaian terhadap bajet 2016 bagi memastikan negara terus berkembang dan maju walaupun menghadapi cabaran global ini.
11. Sebanyak 11 langkah penstrukturan dan pengubahsuaian telah diumumkan yang merangkumi aspek menangani kos sara hidup rakyat, pembangunan modal insan, pemantapan sistem penyampaian, langkah mengoptimumkan perbelanjaan dan pemfokusan serta keutamaan kepada projek dan program yang mendahulukan rakyat.
12. Kesemua langkah berhemat yang diumumkan oleh Perdana Menteri dijangka dapat menjimatkan sehingga 9 bilion ringgit perbelanjaan

mengurus dan pembangunan. Dan saya kira dengan semua ini negara akan dapat menempuh cabaran melanda dan akan terus berkembang pesat dalam usaha kita mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

13. Untuk itu, saya menyeru kepada semua warga kementerian untuk bersama-sama dengan kerajaan bagi menjayakan kesemua langkah ini. Kita semua mempunyai peranan dalam hal ini tidak kira sama ada besar ataupun kecil. Marilah kita berganding bahu demi negara yang kita kasihi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

KESELAMATAN JALAN RAYA

14. Bersempena dengan musim perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini, saya dapat lihat pelbagai kempen dan program yang berkaitan keselamatan jalan raya giat dijalankan baik oleh agensi kerajaan mahupun pihak swasta.
15. Usaha dan inisiatif sebegini perlu dipuji dan disokong dan saya ingin melihat lebih banyak lagi inisiatif strategik di antara pihak kerajaan dengan swasta dalam hal keselamatan jalan raya.
16. Saya menyeru JPJ, JKJR dan juga MIROS untuk mempertingkatkan lagi program-program seumpama ini dalam usaha berterusan kementerian dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya

terjamin dan kadar kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya dapat dikurangkan.

17. Walaupun pelbagai program kita rangka dan laksanakan, namun begitu saban hari kita masih lagi diberitakan dengan pelbagai kemalangan yang sungguh menyayat hati terutama pada musim perayaan.
18. Berdasarkan kepada maklumat yang diumumkan oleh pihak PDRM, sebanyak 19,572 kemalangan jalan raya membabitkan 279 kematian dicatatkan sepanjang Ops Selamat 8 sempena Tahun Baru Cina yang berakhir 15 Febuari lalu.
19. Walaupun jumlah kemalangan kali ini meningkat sebanyak 478 kes berbanding tempoh sama tahun lalu, namun jumlah kematian menurun sebanyak 28 orang kepada 279 berbanding 307 mangsa pada musim lalu.
20. Kadar kemalangan yang direkodkan pada tahun lepas (Op Selamat Tahun Baru Cina 2015) adalah 19,094 kes, tahun ini ia meningkat kepada 19,572 kes. Pengguna jalan raya masih lagi menggunakan lorong kecemasan, memandu dengan laju dan gagal mengawal kenderaan sehingga terbabas.
21. Saya amat memandang serius perkara ini kerana ianya melibatkan nyawa rakyat kita. Oleh sebab itu, seperti yang tuan-tuan maklum kementerian melalui JPJ akan melaksanakan semula sistem mata KEJARA serta kamera AES dalam usaha berterusan kita bagi memastikan kadar kemalangan jalan raya dapat dibendung.

22. Namun demikian, untuk pelaksanaan kali ini, kementerian telah membuka ruang bagi orang awam untuk memberikan pandangan, pendapat serta cadangan bagi melaksanakan kedua-dua program tersebut dengan lebih efisien dan mesra pengguna.
23. Untuk itu, JPJ serta kementerian sendiri telah menyediakan saluran melalui portal dan laman web serta emel khusus bagi rakyat untuk mengemukakan pandangan mereka berhubung perkara ini dari semua aspek baik lokasi pemasangan kamera kepada kesalahan-kesalahan jalan raya yang dirasakan perlu diberi mata demerit dibawah sistem KEJARA.
24. Semua pandangan tersebut akan diambil kira sebelum kita mulakan pelaksanaannya dalam tahun ini. Dengan ini, kedua-dua sistem KEJARA dan AES ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan terangkum.
25. Untuk itu, saya ingin memohon jasa baik warga MOT dan Jabatan supaya berperanan sebagai agen kementerian dalam memberi kefahaman kepada ahli keluarga, sahabat handai dan orang ramai tentang betapa perlunya kedua-dua sistem ini bagi memastikan keselamatan mereka terjamin

Hadirin sekalian,

IDENTITI BARU RAC

26. Saya difahamkan pada pagi ini juga, Perbadanan Aset Keretapi atau RAC akan memperlihatkan buat julung kalinya identiti Korporat mereka yang baru dalam menghadapi cabaran yang mendatang ini.
27. Langkah memperkenalkan identiti korporat baharu merupakan satu proses ke arah pengukuhan imej dan kreadibiliti bagi membina keyakinan pelanggan terhadap RAC.
28. Penggunaan logo yang moden dan kontemporari diharapkan dapat menonjolkan imej dan seterusnya membawa Perbadanan ini ke satu fasa perubahan persekitaran kerja yang lebih dinamik, komprehensif dan menyakinkan.
29. Semoga perubahan imej korporat ini akan memacu semangat dan iltizam seluruh warga RAC, serta memberi inspirasi kepada semua agensi-agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pengangkutan untuk sama-sama memajukan sistem pengangkutan Negara.

PENUTUP

30. Saya tidak mahu berucap dengan panjang lebar pada pagi ini memandangkan terdapat jamuan untuk semua. Apa yang penting, besar harapan saya agar warga MOT dan Jabatan dapat melipatganda usaha dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab kita terutamanya dalam waktu-waktu mencabar seperti ini.
31. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada penganjur majlis pada pagi ini dan Selamat Tahun Baru Cina, Gong Xi Fa Cai! Gong Xi! Gong Xi!

Sekian.

Terima kasih.